

## **Tinjauan Buku**

### ***Teori dan Kaedah Aplikasi dalam Karya***

**Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali**

Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2018,  
295 halaman, ISBN 978-967-460-728-9

Kritikan sastera ialah satu disiplin ilmu untuk menilai teks sastera secara objektif. Hashim Awang (1997) menyatakan kritikan kesusasteraan merupakan suatu usaha untuk menilai hasil-hasil ciptaan seseorang sasterawan atau penulis sastera dengan yang beralas serta bersistem dan bertujuan untuk mengembangkan sesuatu yang difikirkan baik lagi indah. Tujuan kritikan sastera ini adalah sebagai suatu kegiatan untuk membuat penilaian, pertimbangan dan penganalisisan terhadap sesebuah karya melalui proses pembacaan, pengamatan dan perbandingan menggunakan teori ataupun pendekatan.

Sehubungan itu, kemunculan buku *Teori dan Kaedah Aplikasi dalam Karya* (2018), yang disunting Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali merupakan satu hasil penulisan terkini yang memfokuskan kepada kritikan kesusasteraan Melayu dari perspektif teori dan aplikasi. Buku terbitan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia ini membincangkankan aspek teori atau pendekatan untuk menganalisis karya sastera yang terkandung dalam 19 bab. Penulis yang terlibat adalah gabungan daripada para pensyarah universiti awam dari Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Sains Malaysia. Rata-rata ia memberikan gambaran awal akan tumpuan yang serius apabila para sarjana sendiri yang menjalankan penelitian dan menulisnya.

Permulaan buku ini diterajui sekumpulan penulis yang terdiri daripada Aida Qamariah Ishak, Salinah Jaafar dan Ahmad Ramizu Abdullah yang memaparkan Teori Semiotik Riffaterre (1978) yang memfokuskan pembacaan pantun secara heuristik dan pembacaan hermeneutik. Bab “Pembacaan Heuristik dan Hermeneutik dalam Pantun Kanak-Kanak” menumpukan perbincangan meliputi aspek Teori Semiotik Riffaterre sebagai pendekatan pilihan dalam pengajaran dan pembelajaran pantun khususnya pantun kanak-kanak di sekolah rendah. Terdapat dua tingkat pembacaan, iaitu pembacaan heuristik dan pembacaan hermeneutik. Pembacaan heuristik merupakan pembacaan pada tataran mimesis, bahasa dimaknai secara referensi. Sementara itu, hermeneutik adalah pembacaan pada tataran semiosis yang mana melihat setiap pantun kanak-kanak sebagai satu kesatuan yang berintegrasi antara satu kata dengan yang lain. Model pembacaan heuristik dan hermeneutik ini dipercayai dapat digunakan sebagai strategi untuk mengajar pantun kanak-kanak secara lebih menyeluruh. Kajian ini menjelaskan pembacaan heuristik dan hermeneutik dapat dijadikan media pembelajaran dan pemahaman dalam membantu memahami makna pantun. Melalui artikel ini, ia dapat membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah dalam memahami genre pantun.

Seterusnya makalah “Genre Kabur Etnografi dan Fiksiyen: Penerapan Ilmu Masyarakat” oleh Awang Azman Awang Pawi, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi dan Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, menyaring perspektif kemasyarakatan. Penulisan ini bukan sahaja mengetengahkan ilmu memahami masyarakat dilihat daripada kaca mata kesusasteraan

berdasarkan ilmu kemanusiaan, tetapi juga dilihat dalam teori kemasyarakatan. Menurut penulis, semua fenomena sosial seperti nilai, norma kebudayaan sosial yang melangkaui sifat individu, perlakuan masyarakat merupakan suatu sumber yang bermanfaat untuk dijadikan bahan pengkaryaan. Teori Konflik Dahrendorf digunakan dalam kajian, iaitu penumpuan kepada soal perselisihan pendapat, perbalahan, konflik dalam masyarakat dan menitikberatkan soal perubahan dan disintegrasi pada pelbagai unsur dalam masyarakat. Analisis dilakukan terhadap empat buah cerpen *Dewan Sastera* bulan November 2016, iaitu cerpen bertajuk “Jarak Dekat”, “Matinya Si Pembosan”, “Anggerik Vanilla di Laman Kami” dan “Cerita Balai Gendang” yang dikaji dari aspek inti pati ilmu sosial. Penelitian ke atas beberapa cerpen tersebut mendapati kritikan dan mesej yang disampaikan seperti pengarang turut hadir dalam peristiwa tersebut dan memegang watak sebagai seorang ahli etnografi atau sosiologis yang merakamkan fenomena sosial. Walau bagaimanapun, teori konflik perlu diterangkan dengan lebih mendalam agar dapat memberikan difahami khalayak pembaca.

Seterusnya digembleng aspek puitika menerusi “Pendekatan Puitika Sastera Melayu” oleh Eizah Mat Hussain. Ia menjurus kajian pemikiran dan keindahan pantun dalam sastera Melayu yang dikemukakan Muhammad Haji Salleh. Penulisan hanya menumpukan kepada salah satu bab dalam Pendekatan Puitika Sastera Melayu, iaitu “yang indah-indah estetika sastera” yang dibincangkan dalam penulisan ini untuk meneliti keindahan atau estetika yang terdapat dalam pantun. Terdapat enam prinsip yang dinyatakan Muhammad Haji Salleh tentang keindahan pantun, iaitu makan dan citra yang dipadatkan, kiasan dan saranan, dunia berjodoh, muzik seiring kata, suai dan patut serta sama ukuran. Analisis dilakukan dengan memberikan contoh-contoh pantun yang menepati prinsip-prinsip keindahan pantun tersebut. Penelitian ini memperlihatkan keindahan pantun dari aspek pandangan kaca mata Melayu sendiri. Namun begitu, penulis perlu menerangkan juga aspek lain dalam *Puitika Sastera Melayu* bagi menggambarkan keseluruhan keindahan yang digagaskan Muhammad Haji Salleh.

Persoalan Teori Neonostalgia, diutarakan menerusi makalah “Teori Neonostalgia” oleh Hashim Ismail. Teori Neonostalgia sebenarnya lebih menumpukan terhadap proses pemikiran pengarang dan bagaimana proses kreativiti pengarang mengolah semula sumber-sumber sejarah, kebudayaan, tamadun Melayu, tamadun Islam, tradisi lisan dan sumber-sumber moraliti kolektif bangsa Melayu ke bentuk yang lebih efektif untuk memberikan landasan pemikiran tentang kelebihan bangsa mereka. Prinsip neonostalgia, iaitu *hemogeneiti-heterogeneiti, the old morality, the beautiful past and unattractive present*, dekonstruksi dan intelektualiti, imaginasi dan nonrealisme, *regenerated* dan *regeneration* digunakan dalam mengkaji novel *Samira* (2016) karya Arena Wati. Implikasi penting daripada analisis tersebut menunjukkan prinsip-prinsip Teori Neonostalgia dapat dibina dengan membahaskan pendekatan *New Historicism* yang sedia ada dalam kritikan sastera. Teori Neonostalgia jarang digunakan pengkaji dalam melihat karya-karya sastera Melayu kerana masih baru dalam bidang kesusasteraan Melayu.

Menarik sekali kacamata Islam turut dipertimbangkan dalam penjaan teori tempatan. Ia disorot dalam bab berikutnya iaitu, “Teori Takmilah dan Aplikasi dalam Teks Sastera Melayu” oleh Kamariah Kamarudin. Teori Takmilah bersifat holistik yang melibatkan hubungan manusia, iaitu pengkarya dan khalayak menerusi karyanya dengan ketuhanan, kenabian dan keilmuan. Falsafah Islam menjadi dasar yang mempunyai pertalian dengan tauhid kerana ketujuh-tujuh prinsipnya menggariskan hubungan manusia dengan Allah (*habl min Allah*) yang bersifat vertikal dan hubungan manusia dengan manusia dan alam (*bahl min al-Nas*) yang bersifat

horizontal. Analisis dilakukan dengan menggunakan prinsip-prinsip Teori Takmilah, iaitu kesempurnaan daripada aspek ketuhanan (*kamal*), kerasulan (*kamil*), keislaman (*akmal*), prinsip ilmu (*takamul*), kesusasteraan (*takmilah*), pengkarya (*istikmal*) dan insan (*kamal*). Aplikasi menggunakan prinsip tersebut turut diberikan contoh novel diberikan dalam bab ini. Pengarang turut menyatakan bahawa Teori Takmilah juga sesuai untuk semua teks sastera Melayu yang memperlihatkan nilai kebaikan (*al-Khayr*), kebenaran (*al-Haqq*) dan keindahan (*al-Jamal*) dalam pengkaryaan dengan membawa perutusan yang bermanfaat kepada khalayak pembaca. Walau bagaimanapun, penerapan teori dalam aplikasi karya tidak dijelaskan dengan teliti tetapi lebih menekankan kepada penerangan teori takmilah.

Teknologi multimedia terkini turut dimanfaatkan dalam penjaan teori sastera. Isu sastera dalam multimedia dibicarakan menerusi makalah “Teori Persepsi Estetika dalam Sastera Multimedia” oleh Madiawati Mamat @ Mustaffa. Pengkaji membincangkan hasil penelitian tentang aplikasi teori persepsi estetika yang diperkenalkan Jerome Stolnitz (1960) terhadap karya sastera dalam multimedia, iaitu *Perisian Cerita Unggas*. Penjelasan estetika yang meliputi aspek perkata (*matter*), bentuk (*form*) dan pernyataan (*expression*) adalah menghuraikan keindahan secara menyeluruh dalam sesebuah karya seni. Teori persepsi estetika Jerome Stolnitz disesuaikan pengarang dengan karya sastera multimedia kerana aspek yang dikaji merangkumi penjelasan sisi peristiwa yang membina sesebuah karya, bentuk sesebuah karya dan tanggapan atau ekspresi terhadap karya tersebut. Penghayatan terhadap karya sastera yang dianimasikan memudahkan pemahaman pembaca berbanding membaca karya sastera dalam bentuk buku.

Selanjutnya Maizira Abdul Majid mengupas makalah yang bertajuk “Drama dan Lakon dalam Pendidikan Melalui Skrip dan Persembahan Teater *Siti di Alam Fantasi* (SDAF) daripada Perspektif John Dewey.” Bab ini membincangkan mengenai drama dan lakon dalam pendidikan teater kanak-kanak, iaitu teater *Siti di Alam Fantasi* berdasarkan pendekatan yang digagaskan John Dewey. Beliau menegaskan bahawa pendidikan itu bermula lebih awal lagi, iaitu pada peringkat kanak-kanak yang memperlihatkan sikap dan naluri mereka untuk melakukan sesuatu. Dalam hal ini, aspek pendidikan dilihat melalui sudut skrip dan persembahan teater, dan didapati teater *Siti di Alam Fantasi* mempunyai nilai murni kasih sayang yang mendasari cerita tersebut. Namun, penulisan tidak memfokuskan kepada aplikasi; ia hanya diterangkan sepintas lalu, sebaliknya lebih tumpuannya terhadap konsep teater dan teater kanak-kanak.

Melihat keragaman teks dalam pembikinan teori sastera ditinjau Mawar Safei menerusi tulisan, “Intertekstualiti dan Gunaannya.” Perbincangan awal bab ini berkaitan dengan perbincangan awal Ferdinand de Saussure tentang hubungan dalam “sistem tanda” dan “dialogik” fahaman Mikhail Mikhailovich Bakhtin. Seterusnya perbincangan mengenai fenomena antara teks, iaitu Teori Intertekstualiti oleh Julia Kristeva dan pandangan beberapa tokoh berkaitan intertekstualiti. Antara tokoh yang dibincangkan adalah Roland Barthes, Gererd Genette, Michael Riffaterre dan Harold Bloom yang mempunyai pandangan masing-masing mengenai intertekstualiti. Pengarang turut memberikan contoh kajian dalam kesusasteraan Melayu bagi melihat bagaimana intertekstualiti digunakan dalam menganalisis karya sastera. Penulis tidak menjelaskan dengan mendalam kaedah aplikasi dalam karya sastera, dengan hanya memberikan satu contoh karya bagi setiap pandangan sarjana bagi teori intertekstualiti yang diajukan.

“Teori Konseptual Kata Kunci dan Aplikasi” merupakan makalah yang diutarakan dalam bab seterusnya oleh Mohamad Mokhtar Hassan. Teori Konseptual Kata Kunci mempunyai idea dasarnya, iaitu seseorang pengarang itu mempunyai konsepsi tersendiri terhadap sesuatu isu,

perkara, hal, dan objek. Konsepsi seseorang pengarang itu boleh jadi sama atau berbeza dengan pengarang lain. Terdapat tiga prinsip dalam teori ini, iaitu kepengaruhan, pemilihan kata dan kesan. Perbincangan dilakukan dengan menggunakan beberapa cerpen Marsli N. O yang dianalisis untuk melihat konsep sahabat dan kepimpinan berdasarkan konsepsi pengarang. Analisis mendapati personaliti hal yang cukup penting ditemui daripada kata-kata kunci yang digunakan pengarang dalam pemilihan sahabat dan pemimpin.

Bab seterusnya mengemukakan tajuk “Kaedah *Ruwah*: daripada Ilmu Hadis kepada Kaedah Penyelidikan Filologi” oleh Mohd. Taufik Arridzo Mohd. Balwi. Kaedah *Ruwah* ialah kaedah yang sangat sesuai untuk penyelidikan naskhah keagamaan yang membincangkan perkara mengenai iman, akidah, kerohanian dan ibadat. Perbincangan yang dilakukan pengarang menggunakan kaedah *Ruwah* dalam penyelidikan kitab *Ma’arij al-Lahfan li al-Taraqqi ila Haqa’iq al-Irfan* yang dikatakan ditulis Sayyid ‘Abd al-Rahman bin Muhammad Zayn al-‘Idrus. Dapatan kajian mengesahkan perawi kitab *Ma’arij al-Lahfan* ialah Syed Mustafa bin Abdullah bin Mustafa, iaitu salah seorang cucu Tok Ku Paluh. Malah kitab *Ma’arij al-Lahfan* bukan sekadar menyakini siapa penulisnya, bahkan juga meyakini teksnya adalah asli. Penulisan konsep kaedah *Ruwah* memberikan pengetahuan yang baru dalam mengkritik karya kesusasteraan Melayu dari aspek keagamaan.

Foku kajian berikutnya bertajuk “Teori Konflik dalam Manusia dan Masyarakat: Pemahaman dan Penerapan” oleh Nik Rafidah Nik Muhamad Afeendi dan Awang Azman Awang Pawi. Fokus kajian mengambil teori konflik yang digagaskan Neal E. Miller (2008) yang membahagikan konflik kepada dua bahagian, iaitu konflik luaran dan konflik dalaman. Neal E. Miller mengklasifikasikan konflik kepada empat bentuk, iaitu konflik mendekat-mendekat (++), konflik menghindar-menghindar (--), konflik mendekat-menghindar (+-) dan konflik mendekat-menghindar mendekat-menghindar (+++-). Analisis menggunakan teori konflik ini diperlihatkan melalui cerpen “Orkidnya Sudah Menjadi” (2005) karya Khadijah Hashim. Berdasarkan data kajian, konflik yang berlaku dalam cerpen berkait rapat dengan perbezaan dua pendapat. Golongan muda melihat sesuatu perkara daripada perspektif yang cetek berbanding dengan generasi tua yang melihat suatu perkara daripada perspektif yang luas walaupun tidak berpelajaran tinggi.

Persoalan mengenai teori ginokritik diutarakan dalam bab selanjutnya menerusi makalah “Teori Ginokritik sebagai Alternatif dalam Teks Sastera Wanita” oleh Norhayati Ab. Rahman. Teori ginokritik yang digagaskan Elaine Showalter dipilih dalam perbincangan penulisan yang menjadi alternatif dalam penyelidikan teks sastera wanita. Elaine Showalter merumuskan bahawa perbezaan atau kelainan yang terdapat dalam karya sastera wanita berbanding lelaki bukanlah berlaku secara kebetulan. Sebaliknya, apa yang menjadi landasan pemikiran dan proses penciptaan sastera wanita adalah dipengaruhi beberapa faktor penting. Empat model diperkenalkan Elaine Showalter iaitu, penulisan wanita dan biologi wanita, penulisan wanita dan bahasa wanita, penulisan wanita dan psikologi wanita dan penulisan wanita dan budaya wanita. Teori Ginokritik oleh Showalter ditampilkan sebagai satu kaedah alternatif yang lebih relevan dalam menangani teks sastera wanita. Ia walau bagaimanapun memperlihatkan percanggahan dan tidak kesesuaian dengan corak penulisan karya sastera wanita Melayu. Perbincangan yang dilakukan penulis lebih menekankan kepada teori tanpa memberikan contoh dalam mengaplikasi karya sastera Melayu.

Bab berikutnya membincangkan “Teori Hierarki Keperluan Manusia dan Aplikasinya dalam Karya Sastera” oleh Nurhamizah Hashim. Teori hierarki keperluan manusia diperkenalkan Abraham H. Maslow (1943) dalam kertas kerjanya yang bertajuk “A Theory of Human Motivation” digunakan untuk melihat pola keperluan dan kehendak manusia. Terdapat lima peringkat yang utama, iaitu keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang dan keinginan dimiliki, keperluan penghargaan sendiri dan keperluan penyempurnaan sendiri. Penelitian dilakukan terhadap novel *Azfa Hanani* (1994) karya Azhan Mohd Hanafiah. Hasil analisis menunjukkan bahawa watak dalam novel mencapai kesemua keperluan seorang manusia yang terdapat dalam teori hierarki keperluan manusia oleh Abraham H. Maslow. Artikel ini membawa pembaharuan dalam bidang kritikan sastera kerana mengaplikasikan teori pengurusan dalam karya sastera.

Teori Adaptasi yang digagaskan Hutcheon (2006) dalam bukunya, *A Theory of Adaptation*, ditumpukan dalam bab “Pembangunan Skrip Animasi *Bangsawan Puteri Saadong*: Adaptasi Teks Genre Sastera Tradisional” oleh Nur Yuhanis Mohd. Nasir. Kajian memfokuskan bahawa adaptasi tidak hanya terhad kepada teks dan filem, tetapi meliputi segala jenis media sebagai medium adaptasi seperti televisyen, internet, taman tema, pentas dan arked video. Kajian menggunakan teori adaptasi diaplikasikan dalam pembangunan animasi bertajuk “*Bangsawan Puteri Saadong*” yang dilihat dari aspek sumber dan cara adaptasi, tujuan adaptasi, kumpulan atau penonton sasaran dan konteks. Dapatan kajian berdasarkan kesesuaian kisah *Puteri Saadong* sebagai sumber adaptasi cerita untuk dipersembahkan dalam bentuk baharu, iaitu animasi mendapat sambutan yang sangat tinggi terhadap genre sastera Melayu. Walau bagaimanapun, adaptasi yang dilakukan hanya menumpukan satu cerita sahaja dalam *Hikayat Seri Kelantan*, iaitu kisah *Puteri Saadong*. Hal ini tidak memberikan gambaran keseluruhan kisah yang terdapat dalam karya *Hikayat Seri Kelantan* yang dikaji.

Persoalan teori realisme magis dibincangkan dalam bab seterusnya, iaitu bertajuk “Teori Realisme Magis dalam Bacaan *Jogosimo*” oleh Rahimah Haji A. Hamid. Pendekatan realisme magis diperkenalkan Franz Roh (1925) dan Alejo Carpentier (1949) dan kemudian diperkembangkan Wendy B. Faris (1995). Faris melihat hubung kait antara realisme magis ini dengan karya kesusasteraan yang mengandungi lima konsep, iaitu *the irreducible element, the phenomenal world, unsettling doubts, merging realms* dan *disruptions of time, space and identity*. Realisme magis ini diaplikasikan dalam menganalisis novel *Jogosimo* (2012) mendapati sangat berlainan dengan konsep yang wujud dalam novel-novel Amerika Latin kerana realisme magis digunakan dengan tujuan mengkritik kebobrokan situasi politik di negara itu. Penulisan ini sangat berkesan dalam memahami teori realisme magis kerana penulisan sangat jelas dan berfokus dengan memberikan contoh-contoh analisis yang mudah difahami pembaca.

Rohaya Md. Ali dan Kaithiri Arumugam menulis makalah bertajuk “Tanda dan Petanda dalam Puisi Dudel.” Teori semiotik dijadikan landasan kajian, iaitu Teori Semiotik Peirce (1839-1914) untuk mendeskripsikan visual dudel dan menjelaskan hubungan makna antara puisi dan visual. Data kajian menggunakan karya *Alien Menchari Chinta* (2014) oleh Ramzah Dambul yang puisi dipersembahkan dengan seni visual dudel. Hasil perbincangan memperlihatkan persamaan makna yang diterjemahkan dalam ilustrasi dudel dengan menggunakan elemen dan prinsip seni visual, manakala makna puisi pula dianalisis dengan menggunakan simbol signifikan. Aspek yang dianalisis, iaitu aspek bentuk, garisan dan warna dianalisis bagi memperlihatkan makna yang terdapat dalam ilustrasi dudel. Dapatan kajian menjelaskan ilustrasi

dudul dan puisi yang diinterpretasi boleh mengungkapkan makna yang tersendiri dan mempunyai persamaan mesej yang hendak disampaikan kepada khalayak. Perbincangan dilakukan dengan teliti dan mendalam yang disertai teori semiotik dan kaedah aplikasi dijelaskan dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai.

Seterusnya Teori Diplomasi Islam dikupas menerusi makalah bertajuk “Teori Diplomasi Islam dalam Naskhah Melayu Tradisional” oleh Salmah Jan Noor Muhammad. Kajian menggunakan Teori Diplomasi Islam oleh Wang Yong Bao @ Ahmed Musa (2006) dengan melakukan penerapan dalam naskhah Melayu tradisional yang terpilih. Wang Yong Bao @ Ahmed Musa mengajukan beberapa ciri-ciri dalam Teori Diplomasi Islam, iaitu agama universal, kebebasan beragama, keadilan, kesetaraan atau persamaan, *tasamuh* (toleransi) dan hubungan damai dengan negara lain. Bahan kajian yang digunakan ini lebih berfokus kepada sastera epik, historiografi, undang-undang dan ketatanegaraan seperti *Hikayat Hang Tuah*, *Sulalat Al-Salatin*, *Taj Al-Salatin*, *Bustan Al-Salatin* dan *Hukum Kanun Melaka*. Namun, penerangan tentang Teori Diplomasi Islam tidak dikupas dan diterangkan dengan mendalam dari aspek sejarah kemunculan teori. Kemungkinan juga acuan ini dapat dimanfaatkan dengan lebih anjal dalam teks selain bahan tradisional.

Bab seterusnya disusuli makalah “Penerapan Semiotik-Pragmatik dalam Karya Sastera” oleh Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali dan Awang Azman Awang Pawi. Penulis melakukan analisis kajian dengan menggabungkan teori semiotik-pragmatik diaplikasikan terhadap *Kumpulan Cerpen: Montaj II* (2002) oleh Mawar Shafei. Analisis kajian dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu hubungan pengarang dengan teks, hubungan pengarang dengan dunia pembaca dan hubungan pengarang dengan dunia nyata. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa karya ini jauh meninggalkan teknik konvensional yang sebatik dengan khalayak sastera Melayu. Terdapat banyak ikon, indeks dan simbol dikiriskan penulis yang memerlukan penghayatan lebih teliti. Walau bagaimanapun, artikel tidak menjelaskan hubung kait atau bagaimana kerangka semiotik-pragmatik dihasilkan dengan mendalam, sebaliknya langsung dilakukan analisis dan aplikasi dalam karya.

Bab terakhir yang merupakan bab ke-19 buku ini, Zahir Ahmad mengajukan “Adab sebagai Pendekatan Alternatif.” Pendekatan Adab diperkenalkan hasil daripada pemerhatian penulis terhadap sejumlah besar ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan adab. Ia difokuskan kepada adab dalam proses mendidik sebagai panduan kepada pembaca dalam menjalani kehidupan. Pendekatan adab ini diperlihatkan boleh digunakan untuk menganalisis genre-genre lain yang terdapat dalam bidang kesusasteraan Melayu seperti genre hikayat, puisi, novel, cerpen dan sebagainya bukan sahaja dalam genre-genre sastera sejarah dan genre lain seperti kajian terdahulu. Penulis memberikan contoh dari genre sastera tradisional dan sastera moden. Hal ini bertujuan untuk membuktikan karya-karya mempunyai nilai mendidik yang tinggi (adab) untuk membentuk generasi terkemudian mengikut amalan baik dan meninggalkan amalan negatif yang dipaparkan dalam sesebuah karya. Namun, penerangan tentang adab tidak dijelaskan untuk memudahkan pemahaman pembaca. Konsep adab hanya diberikan secara sepintas lalu tanpa perbincangan yang mendalam.

Secara keseluruhannya, buku *Teori dan Kaedah Aplikasi dalam Karya* ini menampilkan kekuatan dari segi kandungannya yang sarat dengan pelbagai jenis teori yang berkaitan dengan bidang kesusasteraan Melayu. Ia turut mencakupi penelitian dari sudut teori dan aplikasinya. Sesuai dengan tajuknya, buku ini mengutarakan teori-teori dalam bidang kesusasteraan dari

Barat, Timur dan tempatan yang dapat memberikan pemahaman dan penjelasan terhadap teori-teori tersebut. Hal ini menunjukkan kepentingan kritikan kesusasteraan dalam menilai sesebuah karya sastera. Walaupun buku ini memperlihatkan kekuatan dari aspek perbincangan kandungan ilmunya, namun terdapat beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian dalam keseluruhan menerima buku ini. Terdapat perbincangan teori yang tidak disertai dengan aplikasi yang mendalam untuk memudahkan pemahaman pembaca. Selain itu, terdapat juga kesalahan teknikal dari aspek penomboran dalam bab-bab tertentu. Namun, kesimpulannya buku *Teori dan Kaedah Aplikasi dalam Karya* adalah hasil penyelidikan dalam bidang teori kesusasteraan yang sangat bermanfaat sebagai rujukan terutama kepada para pelajar, pensyarah, pengkaji sastera serta sesiapa sahaja untuk mendapatkan ilmu mengenai teori dalam kesusasteraan Melayu.

### RUJUKAN

- Hashim Awang. 1997. *Kritikan Kesusasteraan: Teori dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh dan Amdun Hussain (Peny.). 1987. *Kumpulan Kritikan Sastera: Timur dan Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sohaimi Abdul Aziz. 2014. *Teori dan Kritikan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Eizah Mat Hussain  
Jabatan Kesusasteraan Melayu  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur.  
eizah@um.edu.my